

Malaysia hab Jepun teroka pasaran Asean

BH - 21/3/2007

Kerajaan diminta beri tumpuan masa depan perdagangan dua hala

Oleh Zainab Mohd Yatim

MALAYSIA mampu menjadi hab pembuatan serantau dan landasan eksport bagi syarikat Jepun menerokai pasaran Asean, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Katanya, ia berikutan Malaysia memiliki kelebihan dan daya saing berbanding negara Asean lain.

Sehubungan itu, beliau berkata, adalah penting untuk kerajaan memberi tumpuan kepada masa depan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Jepun, selain mengam- bil kira pembangunan dinamik sedang diusahakan antara 10 anggota negara Asean dengan Jepun.

"Malaysia memiliki kelebihan dan daya saing serta mampu menjadi faktor pelengkap kepada negara Asean," katanya ketika merasmikan Persidangan Tahunan Bersama antara Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (Majeca)-Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (Jameca) Ke-27, di Kuala Lumpur, semalam.

Rafidah menjelaskan, rantau Asean sedang berusaha untuk mewujudkan entiti bersepadu dari segi ekonomi untuk kekal menjadi destinasi pelaburan terbaik.

Katanya, langkah itu bukan saja menarik pelabur asing, tetapi sebagai hab kegiatan perniagaan di kalangan ekonomi Asia yang sedang muncul, khususnya di rantau Asia Timur.

Beliau berkata, rangka kerja sedang dibentuk untuk mewujudkan komuniti ekonomi Asean menjelang 2015.

"Bagi tujuan itu, tarif dalam rantau Asean dikurangkan atau dimansuhkan dan sebahagian besar daripada dagangan antara Asean, ketika ini dikenakan duti kurang daripada lima peratus.

"Kira-kira 80 peratus daripada produk membabitkan Asean-6 pula sudah dimansuhkan dutinya," katanya.

Sektor perkhidmatan, yang kini menyumbang lebih 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara anggota Asean,

disasarkan untuk mencapai liberalisasi lebih cepat.

Mengenai hubungan dua hala Malaysia-Jepun, Rafidah berkata, dalam tempoh sedekad lalu, pertumbuhan purata dagangan tahunan antara kedua-dua negara berkembang 1.8 peratus daripada AS\$27.01 bilion pada 1997 kepada AS\$31.56 bilion pada 2006.

Eksport Malaysia ke Jepun mencatat pertumbuhan purata tahunan lima peratus daripada AS\$9.77 bilion pada 1997 kepada AS\$14.23 bilion

“Malaysia memiliki kelebihan dan daya saing serta mampu menjadi faktor pelengkap kepada negara Asean”

Rafidah Aziz
Menteri Perdagangan
Antarabangsa dan Industri

pada 2006, manakala import mencatat pertumbuhan 0.4 peratus

Dagangan antara Malaysia dengan Jepun tahun lalu juga pesat dan mengekalkan kenaikan positif dalam eksport dan import.

Jumlah dagangan tahun lalu berkembang 6.2 peratus kepada AS\$31.56 bilion, daripada AS\$29.71 bilion dalam tempoh sama tahun lalu.

Eksport ke Jepun pula berkembang 8.3 peratus bernilai AS\$14.23 bilion, manakala import dari Jepun mencatat pertumbuhan 4.6 peratus kepada AS\$17.33 bilion yang merangkumi 13.2 peratus daripada jumlah eksport Malaysia.

Tahun lalu, Jepun adalah rakan dagang ketiga terbesar negara dan merangkumi sejumlah 10.8 peratus daripada jumlah dagangan, selain negara berkenaan juga menjadi sumber import ketiga terbesar Malaysia.

Defisit dagangan Malaysia dengan Jepun dalam tempoh berkenaan pula berkurangan 9.9 peratus kepada AS\$3.1 bilion daripada AS\$3.44 bilion pada 2005.